

Pemuda-pemudi sekarang “Kalau pun pusing kepala bukanlah kerana benda tetapi kerana ulama tidak memberi pandangan mereka” – Hamka.

*

Kita tidak boleh menyalahkan angkatan baharu itu tetapi kesalahan itu adalah sememangnya terletak di atas tanggungjawab kita ulama-ulama – Hamka.

*

Kepada mereka yang mengaku menjadi “ulama” kalau tidak dapat menerangkan dengan cara lanjut dan mengikut logik zaman sekarang dan hanya berselindung di belakang kata “boleh” dan “tidak boleh” saya harap mereka berhenti dari menonjol-nonjolkan diri sebagai “guru-guru agama” – cabar Dato’ Harun Menteri Besar Selangor.

*

Sampaikan olehmu walaupun satu perkataan daripada aku – sabda Rasulullah yang menghendaki tiap-tiap umat semuanya bertanggungjawab terhadap agamanya.

*

Salah satu sifat Nabi ialah jujur dan tidak mahu memperkayakan diri dan rumahnya. Beliau tetap hidup sederhana dan memerintah dengan adil dan saksama. Khalifah-khalifah selepasnya juga menurut teladannya. – Dato’ Harun.

*

Amanah di dalam Islam ialah soal pokok. Kita memberikan amanah kepada pemimpin-pemimpin kita tetapi mereka tidak menunaikan amanah itu – Prof. Dr. Syed Hussein Alatas.

*

Kita disuruh mengikut pemimpin-pemimpin kita tetapi agama Islam tidak menyuruh orang mengikut orang yang salah bahkan sebaliknya kita sekarang mengikut orang yang salah dan kita menghormati orang-orang yang melakukan

kesalahan – Syed Hussein Alatas.

*

Pemimpin-pemimpin haruslah dikritik dan patuh menerima kritik tetapi sekarang orang-orang yang berani mengkritik pemimpin dipandang bersalah – Syed Hussein Alatas.

*

Cabutan

Di Sekitar Sambutan Mawlid

*

Ahli-ahli tasawuf Islam pada zaman dahulu tidak minta izin buat mengadakan kitab-kitab – ertinya sesuatu fikiran yang dikeluarkannya ia tidak meminta izin lebih dahulu. Ini menandakan bahawa jiwanya tidak terjajah. Kedatangan Nabi Muhammad adalah menghapuskan penjajahan jiwa – membebaskan jiwa dari penjajahan rohani tetapi kita sekarang rohani kita mau dijajah dan tidak ada kebebasan – khulasah perkataan Syed Hussein Alatas.

*

Orang-orang Melayu pada keseluruhannya beriman dengan kerasulan Nabi Muhammad “tetapi kita dapati sebahagian besarnya tidak memadukan dengan amal. Kerana itu bukanlah sedikit suruhan Muhammad kita cuaikan dan bukan larangannya yang kita langkah” – Haji Muhammad Ghazali Imam Besar Masjid Negara Kuala Lumpur.

*

Setahu saya tidak pun timbul heboh di kalangan rakyat mengenai kenyataan saya kepada *Reader’s Digest*, ‘Sepanjang Konfrontasi rakyat saya menari, minum, main perempuan dan berjudi’ – Tengku Abdul Rahman.

*

Kalau kita harapkan penyokong-penyokong puak pembakang, bangkraplah negeri

ini. Tutuplah segala hotel-hotel, rumah-rumah urut, kelab-kelab lumba kuda dan lain-lain lagi – Tengku Abdul Rahman.

*

Walau bagaimanapun saya mengangkat tangan kepada Malaysia “kerana Malaysia menjadikan agama Islam agama rasmi negara” – Hamka.

*

Tidak ada masalah yang tidak boleh diselesaikan walau bagaimana kusut sekalipun – Dato’ Asri

*

Untuk membuat penyelesaian kita hendaklah melupakan sama sekali sentimen-sentimen politik dan kita tumpukan usaha bersama bagi kebaikan rakyat dan negara – Dato’ Asri. Tun Abdul Razak adalah seorang pemimpin yang terpenting dan dihormati di negara pada masa ini – Dato’ Asri

*

Pemimpin-pemimpin PAS sekarang sibuk mengadakan kempen dengan membuat cabaran kepada pemimpin-pemimpin Malaysia supaya mengasingkan Kelantan dari Malaysia – Ghafar Baba

*

Kalau Kelantan keluar dari Malaysia, bolehkah kerajaan PAS menubuhkan pasukan polis dan askranya bagi mengawal negara? – Ghafar Baba

*

Tiap-tiap sesuatu yang mendatangkan faedah bersama, Islam mengharuskannya – Hamka.

*

Menjauhkan mudarat adalah didahulukan daripada mengambil manfaat – Kaedah syarak.

Kerajaan Kuwait ialah kerajaan Islam yang pertama memberi bantuan kepada penderitaan umat Islam Jordan dengan hadiah sebanyak 25 million poun!